

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 4 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan Kerajaan bagi membantu golongan B40 yang hilang punca pendapatan dan tidak mampu membayar sewa rumah atau sewa pejabat disebabkan oleh PKP. Apakah langkah-langkah akan diambil Kerajaan supaya penghuni rumah sewa dan pejabat tidak dihalau dengan serta merta.

**JAWAPAN : YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Penularan pandemik COVID-19 telah mencetuskan krisis kesihatan serta menjejaskan keadaan ekonomi dan sosial di seluruh dunia termasuk Malaysia. Dalam hal ini, kerajaan mendapati bahawa golongan B40 antara kumpulan masyarakat yang paling terkesan akibat penularan COVID-19 kerana hilang punca pendapatan selain daripada syarikat-syarikat berskala kecil dan sederhana. Justeru, bagi membantu individu dan syarikat-syarikat yang kehilangan punca pendapatan dan berhadapan dengan ketidakmampuan memenuhi obligasi kontraktual seperti pembayaran sewa, maka Kerajaan telah mengambil langkah menggubal Rang Undang-Undang Langkah Sementara Untuk Mengurangkan Kesan COVID-19 sebagai suatu mekanisme perundangan bagi meringankan beban yang ditanggung akibat COVID-19.

Melalui Rang Undang-Undang ini masalah ketidakmampuan memenuhi obligasi kontraktual yang berlaku sepanjang tempoh kuatkuasa dapat ditangani melalui pengubahsuaian (*modification*) kepada akta yang berkaitan termasuk ketidakmampuan membayar sewa rumah atau sewa pejabat. RUU ini merupakan pelepasan sementara atau *temporary relief* daripada tanggungjawab perjanjian bagi suatu tempoh yang ditetapkan dengan harapan kelangsungan hidup rakyat Malaysia umumnya seperti kumpulan B40 dapat diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman semua, Rang Undang-Undang Langkah Pencegahan Sementara untuk Mengurangkan Kesan COVID-19 ini akan dibentangkan dalam sesi Parlimen yang sedang bersidang pada masa ini. Terima kasih.